

23 FEB 2001

Marina-Aids

HOSPIS CAHAYA AKAN DIBUKA TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Geran yang disumbangkan oleh Kedutaan Jepun di sini akan membantu pesakit-pesakit AIDS yang tenat mendapat penjagaan lebih baik apabila pusat penjagaan yang pertama bagi mereka dibuka di negara ini pada pertengahan tahun ini.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAC) Datin Paduka Marina Mahathir berkata bantuan geran berjumlah RM314,333 daripada kedutaan itu telah membolehkan mereka menjadikan Hospis Cahaya realiti.

"Kita sejak lima tahun lepas cuba buka Hospis Cahaya dan masalah utama kami ialah mencari tempat untuk mendirikannya kerana kita juga hadapi bantahan daripada penduduk setempat," kata beliau dalam persidangan berita selepas menandatangani dan bertukar kontrak geran, di sini, hari ini.

Kedutaan Jepun diwakili oleh Kuasa Usahanya, Masafumi Kuroki.

Marina berkata, hospis akan menyediakan penjagaan bagi pesakit-pesakit Aids yang ditinggalkan oleh keluarga mereka.

"Terdapat banyak kes pesakit AIDS tidak diterima oleh anggota keluarga mereka dan mereka tidak mempunyai tempat lain dan akhirnya sampai di katil-katil hospital walaupun tidak banyak yang hospital boleh berbuat untuk mereka.

"Hospis Cahaya akan mengenal pasti pesakit-pesakit ini melalui doktor-doktor dan mereka akan dimasukkan ke pusat itu dan diberi penjagaan supaya mereka boleh hidup dengan maruah," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Marina berkata hospis mampu menampung tujuh hingga lapan pesakit di bawah penjagaan 17 kakitangan yang dilatih dengan baik.

Sehingga Disember lepas, Kementerian Kesihatan melaporkan terdapat lebih 38,000 pesakit HIV/AIDS di negara.

Bagaimanapun Marina berkata, statistik sejak beberapa tahun lepas menunjukkan trend meningkat dengan 3,000 hingga 4,000 kes baru dilaporkan setiap tahun.

Ditanya mengenai geran, Kuroki berkata geran itu adalah bagi pembinaan bangunan hospis dan juga untuk pembelian peralatan.

"Inlah geran pertama yang hulurkan bagi pertubuhan bukan kerajaan (Ngo) bagi HIV/Aids di Malaysia tetapi Jepun pernah menyampaikan bantuan lebih kurang sama kepada negara-negara lain seperti Thailand bagi projek lebih kurang sama," katanya.

Kuroki berkata, kerajaan Jepun menjadikan HIV/AIDS sebagai keutamaannya di bawah Inisiatif Isu Global (GII) yang melaluinya bantuan dan geran disediakan bagi negara-negara melaksanakan program HIV/AIDS.

"Pada 1994 kerajaan telah mewujudkan GII dan sejak tujuh tahun lepas GII telah membelanjakan lebih AS\$3 bilion bagi tujuan HIV/Aids di seluruh dunia," katanya.

-- BERNAMA

NM AR PR